



● CONTOH kompleks yang akan siap penghujung 1985.

Pusat dagang dunia milik Umno

KUALA LUMPUR, Selasa — Sebuah lagi kompleks perdagangan bertaraf antarabangsa milik Umno, berharga lebih \$318 juta akan siap dibina di Jalan Tun Ismail menjelang hujung tahun 1985.

Kompleks yang dinamakan Pusat Perdagangan Dunia Kuala Lumpur (KLWTC) itu akan mengandungi sebuah menara 32

tingkat, pusat persidangan yang boleh memuatkan 6,000 orang dan sebuah dewan pameran yang luas.

Dari 4.4 hektar tapak kompleks, 1.2 hektar diperuntukkan untuk pembinaan sebuah hotel bertaraf antarabangsa, Pan Pacific Kuala Lumpur, yang mempunyai 600 bilik lengkap dengan restoran, kawasan hiburan, pusat rekreasi serta dewan jamuan.

Bagaimanapun projek hotel itu dijalankan secara usahasama antara Umno dan beberapa usahawan tempatan termasuk pelabur-pelabur dari Jepun. Umno memegang saham 30 peratus dalam projek hotel ini.

Sebuah syarikat tempatan, Rahim & Co Chartered Surveyors Sdn Bhd, akan mengendalikan perkhidmatan pengurusan kompleks itu dan

menjadi agensi sewaan ruang-ruang pejabat, dewan persidangan dan perkhidmatan lain.

Rekabentuk kompleks itu berdasarkan lambang perjuangan orang-orang Melayu untuk merebut kemerdekaan dan keseluruhan rekabentuk bangunan mencerminkan seni bina Malaysia.

Bangunan menara akan melambangkan puncak kejayaan Umno sebagai pertubuhan politik yang berjuang mendapatkan kemerdekaan dan juga sebagai parti komponen utama dalam kerajaan sekarang.

Kemudahan

Menara itu akan dijadikan ruang pejabat untuk disewa yang sepenuhnya dilengkapi dengan sistem penyaman udara dan di bumbung menara itu akan dibina sebuah pangkalan pendaratan helikopter.

Pusat persidangan yang juga mengandungi dewan-dewan persidangan kecil yang boleh bermuat antara 100 ke 1,500 orang akan mempunyai rekabentuk seni bina orang-orang Melayu serta memaparkan Umno sebagai pertubuhan politik Melayu.

Rekabentuk dewan persidangan utama di pusat itu akan dibuat supaya boleh juga digunakan untuk mengadakan pesta muzik dan juga jamuan-jamuan yang besar.

Kelengkapan lain yang akan diadakan di pusat persidangan itu ialah kemudahan pejabat sekretariat persidangan, pejabat akhbar, tempat perubatan, bilik tayangan, tempat percetakan dan penghantaran serta tempat duduk untuk penterjemah.

Kompleks itu juga dirancang untuk dilengkapi dengan sistem keselamatan dan pencegahan kebakaran yang termoden.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia